

12 JUN 1997

KERETA PROTON AKAN DILENGKAPI PENGINDERIA, KATA MAHATHIR

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 12 Jun (Bernama) -- Satu perkongsian antara Taman Teknologi Malaysia (TTM) dan sebuah makmal penyelidikan di sini akan membolehkan kereta Proton dilengkapi pengindera buatan Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemasangan itu juga akan memberikan kepada Malaysia perkongsian sehingga 10 peratus dalam pasaran pengindera dunia yang dianggarkan bernilai kira-kira AS\$10 bilion setahun.

Menurut Perdana Menteri yang melawat Central Research Laboratories (CRL) di taman perindustrian Hayes, West London, hari ini, peningkatan kemudahan untuk kereta Proton adalah perlu untuk kekal bersaing dalam pasaran.

Antara orang kenamaan yang menemani Perdana Menteri di CRL ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom Datuk Kamarudin Abu dan ketua pegawai eksekutif TPM Dr Salleh Ismail.

Para penyelidik CRL meramalkan bahawa menjelang tahun 2000, setiap kereta akan dilengkapi lebih daripada 60 pengindera untuk, antara lain, mengawal beg angin keselamatan hinggalah kepada alat bantuan pemanduan.

Tambahan yang berteknologi tinggi itu dalam kereta Proton akan menaikkan sedikit harganya, tetapi perubahan itu adalah perlu kerana pengeluar kereta lain juga akan melengkapi kereta buatan mereka dengan pengindera canggih, kata Dr Mahathir.

"Tida guna mengeluarkan kereta jika anda tidak boleh menjualnya," tambah beliau.

Perdana Menteri, yang menghabiskan masa kira-kira empat jam di ibu pejabat CRL untuk mendengar taklimat dan melihat reka baru teknologi, juga menyatakan bahawa usaha sama baru dalam teknologi pengindera antara TPM dan CRL (dalam syarikat yang berkemungkinan dinamakan Technology Park Malaysia Research Bhd -- TPMR) juga akan membolehkan Malaysia memperkenalkan kereta api miring untuk dikendalikan atas landasan selebar satu meter di Malaysia.

Katanya memperbaiki sistem kereta api merupakan matlamat utama kerajaan, tetapi untuk menukar sistem landasan yang ada kepada yang lebih lebar agak terlalu mahal.

"Satu-satunya cara untuk kita memperbaikinya ialah dengan menggunakan kereta api miring. Kita tidak perlu membina kereta api itu, tetapi kita dapat memperbaiki cara ia dikendalikan," tambahnya.

Sebelum berlepas dari CRL dan menurunkan tanda tangannya dalam buku pelawat, Dr Mahathir berkata: "Saya lihat CRL sebagai satu perkembangan yang penting dalam teknologi. Bidang yang mereka ceburi adalah sama dengan kepentingan kita. Apa yang telah saya lihat amat menarik sekali dari segi penyelidikan dan pembangunan. Saya begitu tertarik dengan falsafah menjalankan penyelidikan untuk membolehkan orang lain mendapat faedah. Akhirnya, akan wujud CRL versi Malaysia." -- BERNAMA

WAH SIA